

Kembali hayati falsafah, perkasa Rukun Negara

asrat kerajaan menerapkan Rukun Negara ke dalam sambutan Hari Kebangsaan tahun ini amat aluan-aluan. Sudah 50 tahun sejak ia dilahirkan dan diisytiharkan. Yang di-Pertuan Agong keipat pada 31 Ogos 1970.

Rukun Negara adalah falsafah bangsaan negara yang boleh diigap panduan oleh rakyat ke arah pembentukan negara, serta sebagai pegangan hidup semua kaum tidak kira kaum dan bang-

sa berdasarkan lima prinsip yang rhubung dengan kehidupan masyarakat. Matlamatnya pula memrakasan Malaysia sebagai sebuah negara kukuh dan mempunai nilai kepelbagaiannya, serta menjadikannya satu alat pembentukan negara.

Malah, Rukun Negara adalah u falsafah yang harus dibangunkan semua.

Selain meningkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat, melekalkan cara hidup demokrasi, wujudkan masyarakat yang adil, pendekatan yang liberal terhadap adat dan kebudayaan dan membangunkan satu masyarakat progresif yang berlandaskan teknologi, Rukun Negara juga menjadi panan sosial dalam bentuk lima prinsip berikut.

a membabitkan Kepercayaan pada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Peribagian, Kedaulatan Undang-Undang serta Kesopanan dan Kesusilaan.

Ima perkara ini menjadi tong kepada prinsip kenegaraan

dan menyatukan rakyat Malaysia terdiri pelbagai agama, seharusnya disemaiakan dalam semangat generasi muda yang bakal menjadi pemimpin masa hadapan.

Prinsip terkandung di dalamnya hendaklah didukung dan dipraktikkan kerana kita tidak boleh memandang ringan kestabilan, keamanan dan keharmonian dicapai setakat ini.

Pada sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, kerajaan harus menerapkan elemen Rukun Negara di dalam aturcaranya.

Hari Kebangsaan detik penting di mana kita dapat mengimbang kembali pencapaian setakat ini. Ini juga satu peluang bagi tokoh dan rakyat menyampaikan hasrat serta aspirasi mereka terha-

dap negara.

Penerapan elemen Rukun Negara dalam sambutan bermakna ini akan mendedahkan falsafah nasional itu kepada orang ramai untuk bersama memperingatinya.

Amat penting bagi kerajaan mempromosi Rukun Negara bagi menerangkan kepada rakyat terutamanya generasi muda apa makna sebenarnya yang terkandung, mengapa ia diwujudkan dan tujuannya dari aspek mempromosi keharmonian antara kaum, hormat-menghormati antara kaum, integrasi dan perpaduan.

Melihat situasi hari ini, amat kesal diperhatikan bahawa Rukun Negara tidak diberikan fokus dan tumpuan untuk sebagai falsafah nasional dan alat perpaduan.

Apabila imbas kembali 1970-an ketika Rukun Negara diisytiharkan, semua pihak tidak kira kerajaan, swasta dan media amat memberi tekanan dan tumpuan untuk mempromosikannya kepada rakyat.

Berbanding 70-an dan 80-an, Rukun Negara kini tidak diberikan tempat sewajarnya dalam pembinaan negara terutama dalam perspektif perpaduan nasional.

Maka, melalui sambutan hari kebangsaan tahun ini dan tahun yang akan datang, tumpuan perlu diberikan kepada Rukun Negara dan rakyat juga perlu diberi kefahaman tentang mengapa ia perlu diberi nafas baharu kerana kita tidak dapat manafikan kepentingan Rukun Negara kepada perpaduan nasional.

Kelima-lima prinsip dan matlamat digariskan sememangnya amat relevan untuk pembinaan negara. Namun, masih ada pihak tertentu mempersoalkan sama ada ia masih relevan.

Pada zaman sekarang, kita memang tidak dapat manafikan kepentingan ekonomi digital, tetapi kita tidak boleh mengabaikan prinsip dan asas pembinaan negara yang berlandaskan Rukun Negara.

Ia sebenarnya patut dijadikan garis panduan dan kompas yang menetapkan hala tuju negara. Falsafah nasional ini perlu dihargai dan dihayati semua.



Elemen Rukun Negara boleh diterapkan ketika sambutan hari kemerdekaan yang diadakan pada setiap tahun.

(Foto hiasan)

Tan Sri Lee Lam Thye,
Ahli Lembaga Pemegang Amanah
Yayasan Perpaduan Malaysia